

Kementerian Kewangan pindah ke Putrajaya mulai Ogos

UM 23 JUL 2002

KUALA LUMPUR 22 Julai — Kementerian Kewangan yang terletak di Blok 9 Kompleks Kerajaan Jalan Duta di sini akan berpindah ke bangunan baru di Presint 2 Putrajaya mulai bulan depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perpindahan tersebut merupakan perpindahan kali ketiga kementerian itu dan kali ini ia dijangka kekal untuk tempoh sekurang-kurangnya 100 tahun.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, ini kerana ban&man di Putrajaya itu direka bentuk dan dibina untuk menjadi pusat pentadbiran kerajaan untuk satu tempoh yang panjang.

Katanya, kerajaan kini tidak lagi menggunakan pendekatan menambah bangunan kerajaan sedia ada apabila ruang tambahan diperlukan seperti yang diamalkan pada masa lalu.

“Dahulu, apabila negara membangun dengan cepat dan perkhidmatan kerajaan bertambah dan kita dapati bangunan yang kita guna tidak sesuai, kita tambah sedikit-sikit sehingga bangunan yang cantik menjadi hodoh kerana ditambah tanpa ikut pelan yang baik,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di

Kompleks Kerajaan Jalan Duta di sini hari ini.

Perhimpunan di Jalan Duta itu merupakan yang terakhir diadakan di situ.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan berharap perpindahan ke Putrajaya itu akan membolehkan kakitangan kementerian itu bekerja dengan lebih selesa kerana ia dilengkapi dengan persekitaran dan kemudahan yang lebih baik.

“Saya pun bersyukur juga kerana kalau tidak kerana didesak supaya meneruskan jawatan saya sebagai Perdana Menteri, mungkin saya pun tidak dapat melihat dalam pejabat Menteri Kewangan.”

“Lebih kurang setahun saya berada di sana iaitu sehingga bulan Oktober (2003). Bolehlah juga merasa pejabat baru ini,” katanya.

Beliau juga berharap dengan suasana dan persekitaran yang lebih selesa dan indah di Putrajaya, kakitangan Kementerian Kewangan akan dapat meningkatkan hasil kerja masing-masing.

Perpindahan Kementerian Kewangan ke bangunan baru di Pulau Utama Presint 2 Putrajaya dijangka bermula pada 1 Ogos ini secara berperingkat-peringkat.

Sebagai permulaan, seramai 1,400 orang pegawai dan kakitangan Perbendaharaan

akan dipindahkan dan dijangka memakan masa selama satu bulan.

Jabatan-jabatan dan agensi lain di bawah kementerian itu seperti Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Lembaga Hasil Dalam Negeri akan berpindah selepas itu.

Bagaimanapun, beberapa bahagian yang berurusan dengan orang ramai seperti Bahagian Perumahan akan dikekalkan di bangunan sedia ada.

Kementerian Kewangan menggunakan Blok 9 Kompleks Kerajaan Jalan Duta sejak tahun 1978.